

Sifar Aedes: Kebersihan taman perumahan lama jadi tumpuan

UTUSAN ONLINE | 06 Oktober 2019 2:17 PM



BATU PAHAT 6 Okt. - Kerajaan Johor melalui Jabatan Kesihatan Negeri Johor (JKNJ) akan memberikan tumpuan terhadap aspek kebersihan di taman perumahan lama yang berisiko menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes, dalam usaha menjadikan negeri berkenaan 'Sifar Aedes' pada masa akan datang.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan, Kebudayaan dan Warisan Johor, Mohd Khuzzan Abu Bakar berkata, antara taman perumahan yang diberikan perhatian adalah yang dibina sekitar tahun 70-an hingga 80-an.

Beliau berkata, hasil tinjauan yang dilakukan pihaknya mendapati banyak taman perumahan terbabit kini mempunyai sistem perparitan yang tidak lagi sesuai selain ada yang bermasalah.

"Oleh itu, pihak JKNJ akan bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengenal pasti taman perumahan lama yang berisiko ini, sekali gus usaha untuk membentaras pembiakan nyamuk aedes ini dapat dilaksanakan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan program Gotong-royong Mega Perangi Aedes 2.0 Peringkat Negeri Johor 2019, di Taman Suria Ros, Ayer Hitam, di sini hari ini.

Turut hadir, Pengarah Kesihatan Negeri Johor Dr. Selahuddeen Abd Aziz, Yang Dipertua Majlis Daerah Yong Peng Mohd Haniff Ahmad dan Pengerusi Pasukan Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah Laku (Combi) Daerah Batu Pahat Wahyu Hidayat Jaapar.